UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

KITA
INSTITUT KAJIAN ETNIK
INSTITUTE OF ETHNIC STUDIES
A National Institute

KOLOKIUM SISWAZAH KITA

PEMBENTANGAN DERAF AKHIR
SARJANA PENGAJIAN ETNIK

ADI SOFUAN MD YUSOF
(P153634)

Kerentanan Sosio-Budaya terhadap Penipuan Siber dalam Masyarakat Majmuk Malaysia: Peranan Budaya Etnik, Literasi Digital dan Persepsi terhadap Keberkesanan Dasar Keselamatan Siber

7 JULAI 2026 (SELASA)
9.00 PAGI
BILIK MESYUARAT KITA, ARAS 4,
KOLEJ KERIS MAS, UKM
APLIKASI ZOOM: HTTPS://SHORTURL.AT/KGLZF

IMAN ILMU AMAL

Nama:	**Adi Sofuan Md Yusof (P153634)**
Program:	**Sarjana Pengajian Etnik**
Penyelia Utama:	**Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi Bin Ishak**
Penyelia Bersama:	**Datuk Dr. Zafari Bin Zulkifli**
Tajuk:	**Kerentanan Sosio-Budaya terhadap Penipuan Siber dalam Masyarakat Majmuk Malaysia: Peranan Budaya Etnik, Literasi Digital dan Persepsi terhadap Keberkesanan Dasar Keselamatan Siber**

Kajian ini meneliti kerentanan terhadap penipuan siber dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia dengan memberi tumpuan kepada hubungan antara budaya etnik, tahap literasi digital, persepsi terhadap Dasar Keselamatan Siber dan kerentanan pengguna. Permasalahan kajian bertitik tolak daripada peningkatan penipuan siber yang semakin kompleks, termasuk penyamaran autoriti, penipuan pelaburan, e-belian, tawaran kerja palsu, love scam dan manipulasi digital yang sukar dikesan. Kajian ini bertujuan membangunkan dan menguji model hubungan antara budaya etnik, tahap literasi digital, persepsi terhadap Dasar Keselamatan Siber dan kerentanan terhadap penipuan siber. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui tinjauan keratan rentas terhadap 500 orang warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas yang pernah menjadi mangsa penipuan siber serta telah membuat laporan polis. Data dianalisis menggunakan IBM SPSS Statistics dan SmartPLS melalui pendekatan PLS-SEM. Dapatan menunjukkan bahawa model mempunyai keupayaan penjelasan yang baik terhadap kerentanan terhadap penipuan siber dengan nilai R^2 sebanyak 0.665. Tahap literasi digital muncul sebagai konstruk paling dominan kerana mempunyai hubungan signifikan dengan persepsi terhadap Dasar Keselamatan Siber dan kerentanan terhadap penipuan siber. Budaya etnik turut mempunyai hubungan signifikan dengan tahap literasi digital dan kerentanan terhadap penipuan siber. Sebaliknya, persepsi terhadap Dasar Keselamatan Siber tidak menunjukkan hubungan langsung yang signifikan dengan kerentanan apabila tahap literasi digital dimasukkan dalam model. Dapatan juga menunjukkan bahawa tahap literasi digital berperanan sebagai pengantara signifikan dalam hubungan antara budaya etnik dengan

persepsi terhadap Dasar Keselamatan Siber serta kerentanan terhadap penipuan siber. Kajian ini menyumbang kepada Pengajian Etnik dengan menempatkan penipuan siber sebagai fenomena sosioteknikal dan sosiobudaya. Implikasi dasar kajian menegaskan keperluan memperkukuh literasi digital peka budaya, komunikasi keselamatan siber yang mudah difahami dan mekanisme perlindungan institusi yang lebih dekat dengan pengalaman masyarakat.